

D465

U B288 AAB
MAHATHIR - POLITIK R R R

KUALA LUMPUR, 18 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR HARI INI BERKATA UMNO TIDAK AKAN BERTINDAK BALAS TERHADAP ALIRAN CHAUVINISTIK DI KALANGAN ORANG-ORANG CINA DI KAWASAN BANDAR DENGAN MENJADIKAN PARTI ITU SEBUAH ORGANISASI PERKAUMAN MELAYU.

PRESIDEN UMNO ITU MENJELASKAN INI KERANA UMNO PERCAYA DAN MENYOKONG KONSEP KERJASAMA ANTARA KAUM DI MALAYSIA WALAUPUN IA KECEWA DENGAN ALIRAN ITU.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-37 DI KOMPLEKS UMNO DI SINI, BELIAU MENEGASKAN UMNO AKAN MENERUSKAN DASAR BERBILANG KAUM DAN KERJASAMA ANTARA KAUM TANPA MENGAMBIL KIRA SEGALA KATA-KATA KESAT YANG DILEMPARKAN TERHADAPNYA.

+PEMERINTAHAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL YANG DIKETUAI OLEH UMNO AKAN TERUS MENEGAKKAN KEADILAN ANTARA KAUM. DASAR MENGIMBANGKAN PEMBANGUNAN KAUM-KAUM DI MALAYSIA AKAN DITERUSKAN.+

MAKA ITULAH SEBABNYA WALAUPUN PARTI-PARTI CINA DALAM BN TIDAK KEMENANGI KERUSI YANG SEPATUTNYA PADA PILIHAN RAYA UMUM LEPAS BILANGAN MENTERI DAN KETUA MENTERI YANG BUKAN MELAYU TIDAK DIKURANGKAN, KATANYA. -- LAGI.

1117MST 18 09 86

D467

U B290 AAB
MAHATHIR - POLITIK 2 KUALA LUMPUR R R R

KATANYA, DENGAN MEMENANGI 83 DARIPADA 84 KERUSI YANG DITANDINGINYA, UMNO SEPATUTNYA MENDAPAT TAMBAHAN JAWATAN MENTERI KABINET.

HAKIKAT INI, TAMBAH BELIAU, TIDAK AKAN DISEBUT OLEH ORANG-ORANG LAIN DI LUAR UMNO KERANA MEREKA +TAKUT JIKALAU MEREKA BERBUAT DEMIKIAN INI BERERTI MEREKA MENGIKTIRAF KEJUJURAN DAN KEMURAHAN HATI UMNO+.

+KITA BUKAN MEMBUAT SESUATU UNTUK DIPUJI ATAU UNTUK ORANG LAIN TERHOTANG BUDI KEPADA KITA. KITA MEMBUAT SESUATU KERANA PERBUATAN ITU BAIK DAN ADIL.+

PERDANA MENTERI BERKATA ADA PULA YANG BERKATA BAHAWA TANPA ORANG-ORANG CINA, UMNO TIDAK MUNGKIN MENANG.

MEREKA MENGENEPIKAN KONSEP KERJASAMA ANTARA KAUM DALAM BARISAN NASIONAL YANG BERASASKAN TOLONG-MENOLONG. INI TERBUKTI APABILA PARTI-PARTI LAIN DALAM BN MENANG KERANA SOKONGAN ORANG-ORANG MELAYU. -- LAGI.

1120MST 18 09 86

U B296 AAB
MAHATHIR - POLITIK 3 KUALA LUMPUR R R R

MENURUTNYA MEREKA AMAT KECEWA KERANA CHAUVINISME DAP JELAS KELIHATAN SEDANGKAN UMNO NYATA TIDAK BERSIKAP DEMIKIAN.

SEBENARNYA JIKA UMNO HENDAK, UMNO BOLEH BERTANDING DALAM LEBIH DARIPADA SEPARUH KAWASAN DEWAN RAKYAT TETAPI UMNO SANGGUP MEMBERI TEMPAT KEPADA PARTI KOMPONEN BN YANG LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN BN MENDAPAT 57 PERATUS DARIPADA KESELURUHAN UNDI TETAPI MENGUASAI EMPAT-PERLIMA DARIPADA JUMLAH KERUSI, INI PERKARA BIASA DALAM DEMOKRASI.

KATANYA NEGARA YANG MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA PERATUSAN UNDI AKAN MENGHADAPI MASALAH JIKA LEBIH DARIPADA DUA PARTI BERTANDING.

DENGAN MENYEBUT AMERIKA SYARIKAT SEBAGAI CONTOH, BELIAU BERKATA SETIAP NEGERI ATAU +STATE+ TANPA MENGIRA JUMLAH PENDUDUK Masing-masing, HANYA DIBERI DUA KERUSI SAHAJA DALAM SENAT YANG BEGITU BERKUASA DI NEGARA ITU. -- LAGI.

1138MST 18 09 86

D482

U B301 AAB
MAHATHIR - POLITIK 4 KUALA LUMPUR R R R

BEGITU JUGA NEGERI-NEGERI DI AMERIKA SYARIKAT YANG MERUPAKAN DESA DENGAN KEBANYAKAN PENDUDUKNYA TERDIRI DARIPADA PARA PETANI YANG BILANGANNYA TIDAK RAMAI, TURUT MENDAPAT DUA KERUSI SENAT.

MALAYSIA, TEGASNYA AKAN TERUS MENGEKALKAN SISTEM YANG MEMBERI +WEIGHTAGE+ KEPADA KAWASAN LUAR BANDAR KERANA SISTEM INI ADALAH YANG TERBAIK BAGI KESTABILAN POLITIK DAN PEMBANGUNAN YANG SEIMBANG.

+SEBENARNYA PEMBAHAGIAN KERUSI YANG BERAT KE KAWASAN LUAR BANDAR ADALAH SATU AMALAN YANG UNIVERSAL DALAM DEMOKRASI,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KAUM MINORITI DI MALAYSIA HARUS BERSYUKUR KERANA MEREKA DIBERI LAYANAN YANG LEBIH BAIK BERBANDING DENGAN KAUM PENDATANG DI NEGARA-NEGARA LAIN -- SAMA ADA YANG BARU MERDEKA ATAU YANG SUDAH MAJU.

TETAPI ADA BUKTI YANG MENUNJUKKAN DI BEBERAPA BUAH NEGARA APABILA ORANG MENDATANG MENJADI MAJORITI, MEREKA TIDAK AKAN MEMBERI PELUANG ATAU APA-APA LAYANAN KEPADA ORANG TEMPATAN YANG SUDAH MENJADI MINORITI. -- LAGI.

1149MST 18 09 '86

0484

U B302 AAB
MAHATHIR - POLITIK 5 KUALA LUMPUR R R R

+DI NEGARA INI PUN SUDAH TERNAMPAK TREND SEPERTI INI BERLAKU DI MANA MEREKA MENJADI MAJORITI, UMPAMANYA DI BANDAR-BANDAR TERTENTU.

+MEREKA MENOLAK PERSAHABATAN ORANG-ORANG TEMPATAN DAN DENGAN LANTANG MENGECEM MEREKA SEOLAH-OLAH ORANG TEMPATAN TIDAK BERHAK SAMA SEKALI.+

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN KAUM BUKAN BUMIPUTERA AKAN NASIB YANG DIALAMI OLEH KAUM PENDATANG DI BEBERAPA NEGARA LAIN TERMASUK DI AMERIKA DAN EROPAH YANG ANTARA LAIN TERPAKSA MENGGUGURKAN NAMA ASAL MEREKA, ADA YANG TIDAK BOLEH BELAJAR BAHASA ASAL MEREKA DAN ADA YANG TIDAK DIBENARKAN BERNIAGA DI KAWASAN-KAWASAN TERTENTU.

DI BRITAIN, WALAUPUN KAUM PENDATANG LEBIH DARIPADA 10 PERATUS MEREKA TIDAK MEMPUNYAI WAKIL DALAM PARLIMEN ATAU KALAU ADAPUN SEORANG MENJADI AHLI MAJLIS BANDARAN.

PERDANA MENTERI BERHARAP KAUM BUKAN BUMIPUTERA MENGINSAFI BAHAWA KAUM MINORITI KETURUNAN ORANG-ORANG YANG DATANG KE NEGARA INI PADA ZAMAN BRITISH DAHULU DIBERI LAYANAN YANG LEBIH BAIK BERBANDING DENGAN NEGARA BRITAIN SENDIRI. -- BERNAMA.

1158MST 18 09 86